

# **AGGRESIF DI KALANGAN REMAJA (Part 5)**

Azizi Hj Yahaya

## **Vandalisme**

Menurut kamus Oxford Advanced Learner's vandalism ditakrifkan sebagai “*willfully destroy or damage (public property)*” dan vandal sebagai ‘*person who willfully destroys or damage works of art, public and private property, the beauties of nature*’. Kegiatan vandalism masih serius di Malaysia kerana bangunan, tembok dan tandas awam masih dicontengi oleh golongan pemberontak yang melakukan kegiatan itu secara sewenang-wenangnya.

Menurut Lee Lam Thye (1997) dalam wawancara di Mingguan Malaysia 8 Julai 1997 menyatakan kebanyakkan remaja yang berusia 15 tahun hingga 20 tahun terlibat dalam gejala vandalism. Laporan yang dikeluarkan oleh Unit Disiplin sekolah, kementerian Pendidikan Malaysia, terdapat 53 jenis salah laku yang dilakukan oleh golongan pelajar. Daripada jumlah itu, sebanyak 4035876 kes berlaku di sekolah rendah dan sekolah menengah. Di Malaysia, perbuatan merosakkan harta benda sekolah adalah salah laku yang berat dan serius. Antara perbuatan yang dilakukan ialah menconteng dinding bilik darjah, meja dan kerusi, memecah papan kenyataan, memecah pintu tandas, memecah almari dan mencalar kereta guru.

Utusan Malaysia (30 Mei 2000) melaporkan bahawa terdapat lima orang pelajar ditahan remen bersama seorang penganggur kerana cuba membakar rumah guru sekolah di Kota Tinggi. Pelajar yang dikatakan melepaskan dendam terhadap guru wanita itu kerana guru itu sentiasa melaporkan kesalahan tingkah laku pelajar itu di sekolah. Selain itu, Utusan Malaysia (19 Jun 2000) pula melaporkan sebuah bilik darjah di Sekolah Kebangsaan Rawang telah musnah dalam satu kebakaran yang dipercayai akibat perbuatan khianat. Pihak polis mengesahkan kegiatan itu dilakukan oleh golongan pelajar di sekolah berkenaan. Fenomena ini telah menunjukkan bahawa kegiatan ini masih serius di Malaysia.

Selain itu, Utusan Malaysia (21 Mei 2007) pula memberitahu bahawa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) harus menanggung kerugian lebih RM5 juta sepanjang tahun 2006 kerana terpaksa menggantikan dan membaiki pelbagai kemudahan awam yang rosak akibat aktiviti vandalism. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab.Hakim Borhan berkata pelaku vandalism tidak pernah memikirkan bahawa perbuatan mereka itu banyak menyusahkan orang ramai dan DBKL terpaksa menanggung kerugian itu. Manakala dalam Berita Harian (14 Ogos 2007), Perdana Menteri kita Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyatakan bahawa pihak yang terbabit dalam vandalism serta cuai terhadap tanggungjawab menyelenggara aset dan fasiliti negara dikenakan hukuman lebih berat dalam usaha memupuk budaya penyelenggaraan di kalangan rakyat.

Kegiatan vandalisme boleh dikatogarikan kepada 4 jenis iaitu yang pertamanya ialah vandalisme tidak dapat diterangkan. Vandalisme ini tidak mengumumkan motif dan hanya untuk kegembiraan persendirian dan pemusnahan secara suka. Kedua, vandalisme secara sengaja iaitu merangkumi aktiviti-aktiviti yang diketahui kesalahan mengikut norma masyarakat dan peraturan yang ia biasanya didefinisikan sebagai aktiviti kesalahan dirancang dan sengaja. Seterusnya, vandalisme secara iringan pula bermaksud aktivit yang tidak dipandangkan salah tetapi individu tersebut tidak sedar terhadap akibat daripada kelakuannya. Dan akhirnya, vandalism secara menghuni pula merangkumi syarat di bawah kegiatan vandalism menjadi boleh diterima dan bertolak ansur.

Sulaiman Alias (1994) pula menyatakan golongan remaja yang melakukan vandalism merosakkan harta benda tanpa ada sebarang sebab serta tidak memperolehi apa-apa keuntungan dari perbuatannya. Salah laku begini selalunya menunjukkan bangkangan terhadap sesuatu atau luahan kekecewaan pelaku kepada keluarga, masyarakat dan sekolah. Mereka ingin menarik perhatian orang ramai dan memperkenalkan dirinya secara negatif. Selain itu, Lee Lam Thye (1997) pula menyatakan ibubapa yang sentiasa sibuk dengan urusan masing-masing dan bilangan keluarga yang besar menyebabkan ibubapa tidak menumpukan kepada pemasalahan yang dihadapi oleh anak-anak mereka terutamanya golongan remaja.

Beliau juga menyatakan bahawa kebanyakkan remaja yang ingin bebas daripada dikongkong oleh keadaan atau ibubapa, mereka menconteng kadang-kadang disebabkan tekanan dan mungkin juga ingin menunjukkan rasa marah kepada orang tertentu. Remaja yang bersikap terburu-buru, antisosial dan agresif ini kebanyakkan adalah berlatar belakang keluarga yang tidak teratur.

Lam Chong Kee (2004) dalam kajiannya tentang faktor-faktor yang mendorong pelajar terlibat dalam masalah vandalism di daerah JB menyatakan bahawa faktor suasana sekolah yang tidak menyenangkan hati menjadi penyebab pelajar melakukan vandalism di sekolah. Antara punca yang berkaitan dengannya ialah peraturan sekolah terlalu ketat dan palajar berasa tertekan di sekolah. Selain faktor suasana sekolah, faktor lain seperti sikap pelajar yang suka mencuba sesuatu yang baru dan kebanyakkan mereka tidak dapat mengawal emosi dan ganguan jiwa pula mendorong mereka melakukan vandalism.

Menurut Prof.Diraja Ungku Aziz (Utusan Malaysia, Mei 1999), Perkhidmatan Nasional (National Service) perlu dikuatkuasakan di negara kita sebagai salah satu cara mendisiplinkan remaja dan mencegah gejala vandalism. Pengukuasaan undang-undangan dengan menjatuhkan hukuman yang berat kepada pelaku vandalism akan menjadi pengajaran dan teladan serta menjauhkan individu tersebut daripada perbuatan vandalism.

CONTINUE...